

KAJIAN RINTIS STRATEGI PEMBELAJARAN KEMAHIRAN BERBAHASA ARAB

(*Pilot Study on Strategies for Arabic Language Learning Skills*)

Nadhilah Abdul Pisal & Kamarul Shukri Mat Teh

ABSTRAK

Penggunaan strategi pembelajaran bahasa merupakan salah satu alternatif yang dapat membantu pelajar mempelajari dan menguasai pembelajaran bahasa Arab. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap kebolehpercayaan instrumen yang digunakan bagi mengenal pasti penggunaan strategi pembelajaran kemahiran berbahasa Arab dalam kalangan pelajar. Selain itu, kajian berbentuk tinjauan deskriptif ini turut mengenal pasti tahap penggunaan strategi pembelajaran kemahiran berbahasa Arab dalam kalangan pelajar. Seramai 30 orang pelajar daripada salah sebuah sekolah menengah agama di Kedah terlibat dalam kajian rintis ini. Data kajian pula diperoleh melalui soal selidik. Tahap kebolehpercayaan soal selidik ini adalah tinggi dengan nilai Alfa Cronbach 0.956. Dapatkan kajian menunjukkan tahap penggunaan strategi secara keseluruhan dan berdasarkan kategori dalam kalangan pelajar adalah rendah. Justeru, pelajar diharapkan dapat mempelbagaikan aktiviti pembelajaran bahasa Arab di dalam dan di luar kelas supaya mereka mempunyai lebih banyak peluang untuk menggunakan strategi dengan lebih bijak.

Kata kunci: Strategi pembelajaran bahasa, strategi pembelajaran kemahiran berbahasa, kajian rintis, kebolehpercayaan instrumen, bahasa Arab

ABSTRACT

The use of language learning strategies is one alternative that can help students learn and master the Arabic language. This study aims to examine the level of instrument reliability, which was used in identifying strategies for Arabic language learning skills used among students. Besides, this survey also identifies level of strategies for Arabic language learning skills used among students. A total of 30 form four students from one religious secondary schools in Kedah were involved in this pilot study. The data are obtained through a questionnaire. The level of reliability for this questionnaire was high with Alfa Cronbach value 0.956. The findings showed the level of overall strategies used and by category among students was low. Indeed, students are expected to diversify the Arabic language learning activities inside and outside the classroom so that they have more opportunities to use the strategy more wisely.

Keywords: Language learning strategies, strategies for language learning skills, pilot study, instrument reliability, Arabic language

PENGENALAN

Penguasaan sesuatu bahasa akan dilihat melalui kebolehan individu menggunakan bahasa dalam situasi yang pelbagai sama ada untuk mendengar, bertutur, membaca atau menulis. Oleh sebab objektif pembelajaran bahasa adalah untuk memastikan pelajar dapat menguasai bahasa sasaran, maka pendekatan pembelajaran bahasa yang menjurus kepada penguasaan kemahiran berbahasa yang pelbagai ini tidak seharusnya diabaikan. Tahap penguasaan bahasa serta tahap penguasaan kemahiran berbahasa seseorang individu itu dapat diperbaiki dengan mempelbagaikan alternatif dalam pembelajaran melalui penggunaan strategi bahasa. Dalam hal ini, Chamot & O’Malley (1994) menegaskan bahawa penggunaan strategi pembelajaran bahasa (SPB) dalam pembelajaran bahasa kedua dapat membantu pelajar menguasai bahasa tersebut dengan lebih baik berbanding rakan pelajar yang tidak menggunakan strategi.

Dalam konteks pembelajaran bahasa Arab, pelbagai masalah timbul dalam proses pembelajaran dan pengajaran bahasa ini seperti pelajar tidak memperoleh gred yang memuaskan dalam penilaian bahasa Arab, pelajar tidak dapat menguasai kemahiran berbahasa yang pelbagai, pelajar tidak berminat terhadap pembelajaran, suasana atau persekitaran pembelajaran bahasa Arab yang tidak membina dan guru tidak menggunakan pendekatan pengajaran bahasa Arab yang pelbagai. Punca pelajar tidak berminat terhadap pembelajaran atau tidak mencapai gred pencapaian yang baik mungkin kerana kurangnya kesedaran pelajar untuk menangani masalah tersebut secepat mungkin melalui penggunaan SPB yang pelbagai dan sesuai dengan diri pelajar. Sekiranya pelajar tidak mempelbagaikan cara belajar, maka pelajar tidak dapat mengetahui kesesuaian dan keberkesanan sesuatu strategi terhadap diri mereka. Oleh itu, masalah dalam pembelajaran perlu dikenal pasti terlebih dahulu sebelum menetapkan matlamat pembelajaran dan mencari penyelesaian yang sesuai.

Tahap pengetahuan dan penguasaan bahasa Arab pelajar dapat ditingkatkan dengan menggunakan pelbagai SPB. Antara ciri-ciri SPB yang menjelaskan kepentingan penggunaannya dalam pembelajaran bahasa sebagaimana disenaraikan oleh Oxford (1990) ialah menjadikan pelajar lebih berdikari dan menjalani proses pembelajaran yang berorientasikan masalah. Kedua-dua pernyataan ini menggambarkan bahawa penggunaan SPB juga dapat menjadikan pelajar lebih bertanggungjawab terhadap pembelajaran bahasa sama ada di dalam mahupun di luar kelas. Perkembangan pembelajaran bahasa dari segi kekurangan dan kelebihan dalam pembelajaran harus dipantau dari semasa ke semasa untuk membuat penambahbaikan.

Selain meningkatkan pengetahuan dan penguasaan bahasa, penggunaan SPB juga dapat mempengaruhi pencapaian bahasa pelajar. Beberapa kajian lepas (seperti Faizahani, 2002; Zamri, 2004; Johari, 2005; Zamri & Mohamed Amin, 2005; Kamarul Shukri, 2009; Park, 2010; Yoong, 2010) menyatakan bahawa pelajar cemerlang pada kebiasaannya menggunakan lebih banyak SPB berbanding pelajar lemah dalam pembelajaran bahasa. Oleh itu, penggunaan SPB perlu dipelbagaikan dan diperbanyak untuk membantu pelajar meningkatkan prestasi mereka dalam pembelajaran bahasa Arab.

Bagi mengenal pasti penggunaan SPB dalam kalangan pelajar di peringkat pendidikan yang berbeza, pelbagai instrumen telah digunakan. Instrumen *Strategy Inventory for Language Learners (SILL)* oleh Oxford (1990) merupakan antara soal selidik SPB yang sering mendapat tempat di hati para penyelidik. Situasi ini berlaku mungkin kerana instrumen tersebut telah diperakui kebolehpercayaannya oleh ramai penyelidik di dalam dan di luar negara. Selain itu, instrumen SILL ini juga telah dikategorikan kepada pembahagian

strategi secara langsung dan tidak langsung yang boleh diadaptasikan dalam pelbagai kemahiran berbahasa yang berbeza. Lantaran itu, tidak hairanlah mengapa penggunaan instrumen SILL ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan sebagai alat pengukuran dalam penyelidikan yang pelbagai.

Selain soal selidik SILL, terdapat soal selidik lain yang boleh diketengahkan sebagai salah satu instrumen yang boleh digunakan untuk menilai jenis SPB berdasarkan kemahiran berbahasa yang berbeza. Instrumen yang dimaksudkan ialah:

- i. *Young Learners' Language Strategy Use Survey (YLLSUS)* oleh Cohen dan Oxford (2002). Instrumen ini sesuai digunakan untuk pelajar peringkat rendah atau permulaan seperti sekolah rendah dan menengah.
- ii. *Language Strategy Use Inventory (LSUI)* oleh Cohen, Oxford dan Chi (2005). Instrumen ini sesuai digunakan untuk pelajar peringkat tinggi seperti kolej dan universiti.

Kedua-dua instrumen ini mengandungi enam kategori strategi yang diwakili oleh strategi mendengar, strategi kosa kata, strategi bertutur, strategi membaca, strategi menulis dan strategi terjemahan. Pembahagian kategori ini menunjukkan keistimewaan instrumen soal selidik YLLSUS dan LSUI yang disusun mengikut kemahiran berbahasa yang berbeza. Dengan menggunakan mana-mana antara kedua-dua soal selidik YLLSUS atau LSUI, penyelidik dapat mengenal pasti kecenderungan jenis dan tahap penggunaan strategi pembelajaran kemahiran berbahasa (SPKB) dalam kalangan pelajar dengan mudah.

Penggunaan soal selidik khusus bagi pembelajaran kemahiran berbahasa yang berbeza dalam kajian-kajian sebelum ini sukar ditemui. Walau bagaimanapun terdapat dua kajian yang ditemui mengkaji empat kemahiran berbahasa untuk pembelajaran bahasa Inggeris di peringkat sekolah rendah (Manprit & Mohamed Amin, 2011) dan menengah (Yoong, 2010). Kedua-dua kajian tersebut mengadaptasi soal selidik LSUI oleh Cohen et al. (2005) untuk mengenal pasti penggunaan SPKB dalam kalangan pelajar. Sebanyak 40 item soalan dwibahasa disenaraikan dalam soal selidik tersebut yang mewakili empat kumpulan strategi utama iaitu strategi mendengar, strategi membaca, strategi bertutur dan strategi menulis. Pemilihan item soal selidik tersebut daripada instrumen asal dan penyediaan item dwibahasa ini merupakan hasil perangkaan Yoong (2010).

Kajian Yoong (2010) yang dijalankan terhadap 300 pelajar tingkatan Enam Bawah mendapati pelajar dalam kajian beliau menggunakan strategi secara keseluruhan pada tahap sederhana ($M= 3.42$). Kategori strategi utama yang berada pada susunan tertinggi ialah strategi mendengar, diikuti oleh tiga strategi yang lain iaitu strategi membaca, strategi bertutur dan strategi menulis. Kedudukan penggunaan strategi mendengar dan strategi membaca pada tangga pertama dan kedua kerap digunakan oleh pelajar mungkin berkait rapat dengan proses penyerapan maklumat bahasa lebih banyak berlaku melalui mendengar dan membaca. Tambahan pula pada peringkat ini pelajar mampu untuk mempelbagaikan sumber bahan pembacaan dan pendengaran secara kendiri di laur kelas untuk menambah input bahasa dan meningkatkan kemahiran berbahasa yang lain.

Dalam kajian Manprit dan Mohamed Amin (2011) pula, tahap kekerapan penggunaan SPKB 60 orang pelajar darjah enam mengikut susunan tertinggi kepada terendah adalah seperti berikut; strategi membaca ($M= 3.63$), strategi menulis ($M= 3.58$), strategi mendengar ($M= 3.49$) dan strategi bertutur ($M= 3.43$). Dapatkan ini menunjukkan bahawa pelajar lebih banyak membaca dan menulis dalam bahasa Inggeris berbanding mendengar dan bertutur dalam bahasa Inggeris di peringkat sekolah rendah. Situasi ini berlaku mungkin kerana pendekatan guru yang mengajar pembelajaran bahasa tersebut lebih memfokuskan pengajaran latihan bacaan dan menulis berbanding dua kemahiran berbahasa yang berbaki.

Situasi ini turut berlaku dalam pengajaran bahasa Arab di sekolah menengah apabila fokus guru lebih tertumpu pada kemahiran membaca dan menulis (Hassan Basri & Mohd Azhar, 2005). Dalam hal ini, Manprit dan Mohamed Amin (2011) berpandangan bahawa kekerapan penggunaan strategi membaca dan strategi menulis ini disebabkan oleh proses pembelajaran di Malaysia lebih berorientasikan peperiksaan. Selain itu, penggunaan strategi mendengar dan strategi bertutur yang kurang mendapat sambutan dalam kalangan responden kajian beliau dikaitkan dengan kebiasaan pelajar berkomunikasi dalam bahasa Melayu, penguasaan kosa kata yang terhad dan kurang keyakinan diri untuk berkomunikasi dalam bahasa Inggeris di dalam kelas (Manprit & Mohamed Amin, 2011).

Kesesuaian penggunaan sesuatu instrumen soal selidik dan gambaran awal penggunaan SPKB dalam kalangan pelajar dapat ditentukan dengan menjalankan kajian rintis. Oleh itu, objektif kajian ini dijalankan adalah untuk:

- i. Menentukan tahap kebolehpercayaan instrumen soal selidik yang akan digunakan dalam kajian sebenar melalui kaedah konsistensi dalaman.
- ii. Mengenal pasti tahap kekerapan penggunaan strategi pembelajaran kemahiran berbahasa Arab (SPKBA) dalam kalangan pelajar kajian rintis secara keseluruhan dan berdasarkan kategori.
- iii. Mengenal pasti sepuluh SPKBA yang paling kerap digunakan berserta sepuluh SPKBA yang paling kurang digunakan oleh pelajar dalam kajian ini.

METODOLOGI KAJIAN

Sampel kajian

Pada kebiasaannya, bilangan sampel kajian rintis tidak memerlukan jumlah sampel yang ramai. Untuk menjalankan kajian rintis, Johanson dan Brooks (2010) mencadangkan bilangan sampel minimum yang dipilih adalah seramai 30 orang sahaja. Dalam kajian rintis ini hanya seramai 30 orang pelajar tingkatan empat dipilih sebagai responden kajian. Para pelajar tersebut terdiri daripada 15 orang pelajar lelaki dan 15 orang pelajar perempuan dari salah sebuah Sekolah Menengah Agama Negeri di Kedah. Responden kajian rintis ini telah dipilih oleh pihak sekolah dengan menetapkan beberapa orang pelajar lelaki dan perempuan daripada kelas yang berbeza. Ini kerana para pelajar lelaki dan perempuan di sekolah ini diasingkan mengikut kelas yang berbeza. Dengan menjalankan kajian rintis terhadap sebilangan responden dalam populasi yang mempunyai ciri persamaan dengan sampel sebenar kajian, gambaran awal mengenai dapatan kajian yang bakal diperoleh setelah menjalankan kajian sebenar dapat dianggarkan.

Instrumen kajian

Satu set soal selidik yang terdiri daripada dua bahagian digunakan untuk mengumpulkan data kajian. Bahagian I soal selidik ini terdiri daripada maklumat demografi pelajar seperti jantina, gred peperiksaan percubaan bahasa Arab Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3), jumlah jam belajar bahasa Arab dan jumlah pendapatan keluarga. Bahagian II soal selidik pula mengandungi maklumat penggunaan SPKBA dalam kalangan pelajar mengikut kategori strategi utama.

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini diberi nama soal selidik SPKBA. Soal selidik ini merupakan hasil adaptasi dan ubahsuai daripada “*Young Learners’ Language Strategy Use Survey (YLLSUS)*” oleh Cohen dan Oxford (2002) dan “*Language Strategy Use*

Inventory (LSUI)" oleh Cohen et al. (2005). Pembahagian item soal selidik SPKBA ini diklasifikasikan kepada enam bahagian mengikut kategori strategi utama yang terdapat di dalam inventori YLLSUS (Cohen & Oxford, 2002) dan LSUI (Cohen et al., 2005) iaitu strategi mendengar, strategi kosa kata, strategi bertutur, strategi membaca, strategi menulis dan strategi terjemahan.

Sebagaimana yang telah dinyatakan, soal selidik YLLSUS dan LSUI telah diadaptasi dan diubahsuai untuk kajian ini. Walau bagaimanapun, soal selidik YLLSUS ini dijadikan rujukan utama dalam proses pemilihan item yang sesuai dengan tahap pembelajaran responden kajian kerana pembinaannya difokuskan kepada pelajar di peringkat awal atau permulaan pembelajaran bahasa. Penggunaan LSUI sebagai rujukan bersama tidak diketepikan dalam proses penentuan item soal selidik yang sesuai dengan tahap pembelajaran responden kajian. Hal ini demikian kerana LSUI dapat memberikan input tambahan berhubung beberapa penggunaan strategi lain yang mungkin dapat digunakan sebagai item soalan SPKBA.

Beberapa pengubahsuaian item telah dilakukan terhadap soal selidik SPKBA ini dengan merujuk kepada kesesuaian item soalan yang akan dikemukakan kepada pelajar peringkat sekolah menengah. Beberapa kriteria kesesuaian item yang dipilih adalah merujuk kepada item yang mudah difahami serta kesesuaian penggunaannya berdasarkan tahap pembelajaran di peringkat menengah, kesesuaian item dengan persekitaran pelajar dan kemudahan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia. Setelah itu, beberapa pengubahsuaian telah dilakukan kepada item YLLSUS dengan penambahbaikan item mengikut kesesuaian pembelajaran bahasa Arab di Malaysia melalui ubahsuai item, penambahan item (sendiri atau adaptasi dari LSUI) dan pengguguran item yang tidak sesuai.

Kebolehbacaan instrumen kajian ini melibatkan penelitian terhadap arahan, pernyataan dan item soalan yang dikemukakan dapat difahami dengan mudah serta jelas. Seramai tiga guru bahasa Arab dan sepuluh orang pelajar yang tidak dilibatkan dalam kajian rintis terlibat dalam proses kebolehbacaan soal selidik SPKBA ini. Kesesuaian penggunaan perkataan atau ungkapan yang digunakan merupakan elemen utama yang dinilai dalam kebolehbacaan instrumen yang disediakan. Hasil kebolehbacaan tersebut, beberapa penambahbaikan dilakukan seperti penjelasan makna atau ungkapan, penambahan contoh yang sesuai memudahkan responden memahami makna yang disampaikan bagi setiap arahan dan pernyataan item.

Bagi menilai kesahan kandungan item soal selidik pula, beberapa orang pakar penilai telah dirujuk untuk menilai kesesuaian item soal selidik yang disediakan. Hasil penilaian tersebut, kesemua item diterima sebagai item soal selidik SPKBA. Namun demikian, beberapa penambahbaikan telah dicadangkan dari segi penggunaan terminologi yang perlu digunakan secara konsisten agar tidak mengelirukan, terdapat beberapa item yang perlu disertakan dengan huraian ringkas atau contoh bagi memudahkan pemahaman pelajar dan terdapat beberapa cadangan tambahan item soalan turut dikemukakan oleh dua orang pakar penilai. Kesemua cadangan yang diutarakan telah dimanfaatkan untuk penambahbaikan item soalan SPKBA ini. Secara keseluruhannya, jumlah item soal selidik bagi enam kategori SPKBA ini adalah sebanyak 87 item.

Kajian Rintis

Tujuan kajian rintis dijalankan adalah untuk memastikan instrumen kajian yang disediakan sesuai digunakan untuk kajian sebenar. Beberapa isu yang dikenal pasti semasa mentadbir kajian rintis adalah dari segi arahan soalan yang mudah difahami, setiap item dikemukakan

dengan jelas, tiada kekeliruan dalam memahami setiap maklumat yang diutarakan dan tiada sebarang kekurangan mahupun kesalahan yang perlu dibuat penambahbaikan sebelum kajian sebenar dijalankan. Selain itu, kajian rintis ini dilakukan untuk menilai kebolehpercayaan dan ketekalan soal selidik kajian melalui nilai pekali indeks Alfa Cronbach yang boleh diterima pakai dalam kajian sebenar.

DAPATAN KAJIAN

Maklumat latar belakang responden

Jadual 1 merujuk kepada maklumat latar belakang responden kajian yang terdiri daripada 30 orang pelajar iaitu 15 pelajar lelaki dan 15 pelajar perempuan. Tujuan pembahagian sampel kepada strata jantina ini adalah untuk mendapatkan gambaran awal perbezaan penggunaan SPKB berdasarkan jantina secara umum. Secara keseluruhannya para pelajar yang terlibat dalam kajian ini memperoleh gred pencapaian bahasa Arab antara A, B, C dan D semasa peperiksaan percubaan PT3 pada tahun 2014. Walau bagaimanapun, hasil analisis menunjukkan 50.0% pelajar memperoleh gred A dalam percubaan bahasa Arab PT3 tersebut.

Maklumat berikutnya diikuti oleh jumlah jam para pelajar mempelajari bahasa Arab di luar kelas dalam seminggu dengan jumlah jam antara 0 hingga 3 jam. Kebanyakan pelajar iaitu sebanyak 83.3% mencatatkan jumlah jam belajar bahasa Arab di luar kelas hanya berada antara 0 hingga 1 jam. Dari segi jumlah pendapatan keluarga pula, 53.3% pelajar terdiri daripada keluarga yang berpendapatan RM3001 dan ke atas.

Jadual 1: Maklumat latar belakang responden

| Demografi | Faktor | Bil | Peratus |
|---|--------------------|-----|---------|
| Jantina | Lelaki | 15 | 50.0 |
| | Perempuan | 15 | 50.0 |
| | Total | 30 | 100.0 |
| Gred percubaan bahasa Arab PT3 | A | 15 | 50.0 |
| | B | 10 | 33.3 |
| | C | 4 | 13.3 |
| | D | 1 | 3.3 |
| | Total | 30 | 100.0 |
| Jumlah jam belajar bahasa Arab di luar kelas dalam seminggu | 0 hingga 1 jam | 25 | 83.3 |
| | 2 hingga 3 jam | 5 | 16.7 |
| | Total | 30 | 100.0 |
| Jumlah pendapatan ibu bapa/penjaga | RM501- RM1000 | 3 | 10.0 |
| | RM1001- RM1500 | 1 | 3.3 |
| | RM1501- RM2000 | 4 | 13.3 |
| | RM2001- RM2500 | 1 | 3.3 |
| | RM2501- RM3000 | 5 | 16.7 |
| | RM3001 dan ke atas | 16 | 53.3 |
| | Total | 30 | 100.0 |

Analisis kebolehpercayaan instrumen SPKBA

Kebolehpercayaan instrumen soal selidik SPKBA ini dapat diperhatikan melalui nilai pekali kebolehpercayaan Alfa Cronbach seperti Jadual 2. Hasil analisis mendapati nilai pekali Alfa Cronbach kajian ini secara keseluruhannya (87 item) ialah 0.956. Selain itu, nilai pekali Alfa

Cronbach yang merujuk kepada setiap kategori SPKBA ini pula berada antara nilai indeks 0.720 hingga 0.886. Nilai Alfa secara keseluruhan dan berdasarkan kategori yang melebihi 0.72 ini merupakan nilai kebolehpercayaan yang diterima oleh para sarjana (Mohd. Majid, 1998; Sekaran, 2003).

Jadual 2: Nilai pekali kebolehpercayaan item instrumen SPKBA

| Kategori | Nilai Alfa Cronbach | Bilangan item |
|--------------------------|---------------------|---------------|
| Strategi Mendengar | 0.818 | 18 |
| Strategi Kosa Kata | 0.828 | 10 |
| Strategi Bertutur | 0.720 | 14 |
| Strategi Membaca | 0.886 | 17 |
| Strategi Menulis | 0.810 | 17 |
| Strategi Terjemahan | 0.851 | 11 |
| Keseluruhan SPKBA | 0.956 | 87 |

Analisis tahap penggunaan SPKBA pelajar

Interpretasi skor min penggunaan strategi dalam kalangan responden kajian ini dinilai berdasarkan jadual interpretasi skor min yang dikemukakan oleh Oxford (1990). Interpretasi Oxford (1990) ini merujuk kepada tahap penggunaan strategi yang tinggi (skor min antara 3.5 sehingga 5.0), tahap penggunaan strategi yang sederhana (skor min antara 2.5 sehingga 3.4) dan tahap penggunaan strategi yang rendah (skor min 1.0 sehingga 2.4).

Jadual 3 berikut menunjukkan tahap penggunaan SPKBA dalam kalangan pelajar mengikut kategori dan secara keseluruhan.

Jadual 3: Tahap penggunaan SPKBA

| Bil | Kategori Strategi | Min | SP | Tahap |
|--------------------------|---------------------|-------------|-------------|---------------|
| 1 | Strategi Mendengar | 1.43 | 0.57 | Rendah |
| 2 | Strategi Kosa Kata | 1.63 | 0.67 | Rendah |
| 3 | Strategi Bertutur | 1.40 | 0.56 | Rendah |
| 4 | Strategi Membaca | 1.67 | 0.61 | Rendah |
| 5 | Strategi Menulis | 1.27 | 0.52 | Rendah |
| 6 | Strategi Terjemahan | 1.40 | 0.56 | Rendah |
| Keseluruhan SPKBA | | 1.10 | 0.31 | Rendah |

Secara keseluruhannya, tahap penggunaan SPKBA pelajar adalah rendah dengan nilai min 1.10 (SP= 0.31) begitu juga dengan enam kategori strategi utama yang lain. Susunan penggunaan SPKBA dalam kalangan pelajar berdasarkan kategori boleh disusun mengikut susunan tertinggi kepada terendah bermula dengan strategi membaca ($M= 1.67$, $SP= 0.61$), strategi kosa kata ($M= 1.63$, $SP= 0.67$), strategi mendengar ($M= 1.43$, $SP= 0.57$), strategi bertutur ($M= 1.40$, $SP= 0.56$), strategi terjemahan ($M= 1.40$, $SP= 0.56$) dan strategi menulis ($M= 1.27$, $SP= 0.52$). Laporan ini menunjukkan bahawa pelajar lebih banyak menggunakan strategi membaca dalam pembelajaran bahasa Arab berbanding penggunaan kategori strategi utama yang lain. Strategi menulis pula merupakan kategori strategi utama yang paling kurang digunakan oleh pelajar.

Jadual 4 pula memaparkan penggunaan SPKBA yang sering digunakan oleh pelajar secara keseluruhan dengan merujuk kepada sepuluh nilai min item strategi yang paling tinggi digunakan. Kesemua item strategi tersebut berada pada tahap penggunaan yang tinggi dengan

nilai min antara 4.30 sehingga 3.87. Sepuluh strategi tersebut terdiri daripada lima strategi membaca (SB46, SB49, SB50, SB57 dan SB59), tiga strategi mendengar (SD13, SD16 dan SD18), satu strategi bertutur (STut37) dan satu strategi menulis (STul73).

Jadual 4: Penggunaan SPKBA paling tinggi (sepuluh item tertinggi)

| Bil | Kategori Strategi | Pernyataan Item | Min | SP |
|-----|-------------------|--|------|------|
| 1 | Membaca | SB57-Saya mengak maknanya dengan menggunakan petunjuk daripada bahagian lain dalam petikan. | 4.30 | 1.02 |
| 2 | Membaca | SB59-Saya bertanya orang lain yang mengetahui makna perkataan atau petikan yang dibaca. | 4.17 | 0.91 |
| 3 | Mendengar | SD16-Saya meneka makna berdasarkan nada suara penutur (seperti marah atau gembira). | 4.10 | 1.06 |
| 4 | Membaca | SB49-Saya membaca sesuatu lebih daripada sekali. | 4.07 | 0.98 |
| 5 | Membaca | SB46-Saya mencari bahan bacaan yang tidak terlalu susah atau berat untuk difahami. | 4.07 | 0.94 |
| 6 | Bertutur | STut37-Saya meminta penutur lain untuk membantu saya. | 4.03 | 0.93 |
| 7 | Membaca | SB50-Saya melihat gambar setelah meneliti maklumat atau penerangan yang ada di bawah gambar. | 3.97 | 1.03 |
| 8 | Mendengar | SD13-Saya meminta penutur untuk mengulang pertuturnya. | 3.97 | 1.00 |
| 9 | Mendengar | SD18-Saya meneka makna berdasarkan maklumat yang telah didengar sebelumnya. | 3.87 | 0.82 |
| 10 | Menulis | STul73-Saya bertanya orang lain perkataan atau ungkapan yang dikehendaki. | 3.87 | 1.22 |

Seterusnya, jadual 5 memperlihatkan sepuluh penggunaan SPKBA yang paling rendah digunakan oleh pelajar. Tahap penggunaan sepuluh item strategi ini adalah rendah kerana pelajar paling kurang menggunakan dalam pembelajaran bahasa Arab. Sepuluh item strategi yang disenaraikan pada tahap penggunaan terendah ini terdiri daripada tiga strategi menulis (STul62, STul63 dan STul71), tiga strategi mendengar (SD1, SD2 dan SD3), dua strategi terjemahan (STer86 dan STer83), satu strategi membaca (SB44) dan satu strategi bertutur (STut40). Nilai min item strategi yang paling kurang digunakan ini berada antara 1.60 sehingga 2.20.

Jadual 5: Penggunaan SPKBA paling rendah (sepuluh item terendah)

| Bil | Kategori Strategi | Pernyataan Item | Min | SP |
|-----|-------------------|---|------|------|
| 1 | Menulis | STul63-Saya menulis nota peribadi, mesej atau surat kepada orang lain dalam bahasa Arab. | 1.60 | 0.72 |
| 2 | Menulis | STul62-Saya menulis nota-nota lain di luar kelas dalam bahasa Arab. | 1.73 | 0.74 |
| 3 | Menulis | STul71-Saya menggunakan Internet untuk menyemak ejaan saya. | 1.90 | 1.06 |
| 4 | Mendengar | SD3-Saya menghadiri program atau aktiviti luar kelas yang menggunakan bahasa Arab. | 1.90 | 0.76 |
| 5 | Terjemahan | STer86-Saya hanya berfikir dalam bahasa Arab. | 1.90 | 0.76 |
| 6 | Terjemahan | STer83-Saya menggunakan terjemahan google dalam Internet untuk menterjemah perkataan atau | 2.00 | 1.29 |

| | | | | |
|----|-----------|---|------|------|
| | | ayat. | | |
| 7 | Membaca | SB44-Saya membaca bahan-bahan dalam bahasa Arab untuk berseronok dan bergembira. | 2.07 | 0.79 |
| 8 | Mendengar | SD2-Saya menonton rancangan televisyen atau video dalam bahasa Arab. | 2.13 | 0.78 |
| 9 | Mendengar | SD1-Saya mendengar rancangan atau lagu dalam bahasa Arab di radio. | 2.20 | 1.03 |
| 10 | Bertutur | STut40-Saya menukar perkataan bahasa Melayu mengikut bunyi (slanga) Arab (contohnya perkataan ‘pasar’ disebut ‘fasar → فَسَرْ’ atau ‘basar→ بَسَرْ’). | 2.20 | 1.03 |

PERBINCANGAN KAJIAN

Instrumen SPKBA ini mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi merujuk kepada nilai pekali Alfa Cronbach keseluruhan dan berdasarkan kategori yang berada antara nilai 0.720 hingga 0.956. Oleh itu, instrumen SPKBA ini sesuai digunakan untuk kajian sebenar yang merujuk kepada ciri populasi yang sama atau ciri populasi yang hampir sama. Penilaian kebolehpercayaan item soal selidik ini bertujuan untuk memastikan item-item yang dikemukakan dalam kajian sebenar telah dinilai ketekalan dalamannya. Ketekalan dalaman ini penting untuk memastikan responden yang menjawab soal selidik tersebut memahami setiap item dengan pemahaman yang sama.

Dari segi tahap penggunaan SPKBA dalam kalangan pelajar pula, nilai min yang diperoleh bagi setiap kategori strategi utama berada pada tahap yang rendah dengan nilai min antara 1.67 hingga 1.27. Tahap penggunaan keseluruhan SPKBA juga adalah rendah dengan nilai min 1.10. Dapatkan ini adalah selari dengan kajian Kamarul Shukri (2009) yang mendapati pelajar sekolah menengah agama di Terengganu menggunakan keseluruhan SPB pada tahap yang rendah. Kajian Linamalini (2014) pula menyatakan bahawa pelajar Institut Pengajian Tinggi menggunakan SPB pada tahap yang sederhana semasa mempelajari bahasa Arab. Dapatkan ini menunjukkan bahawa sesetengah pelajar masih kurang kesedaran mengenai kepentingan mempelbagaikan penggunaan SPKBA yang dapat membantu mereka menguasai bahan pembelajaran bahasa dan memperbaiki kelemahan dalam menguasai kemahiran berbahasa Arab yang pelbagai. Selain itu, faktor jumlah jam belajar bahasa Arab di luar kelas juga perlu ditinjau bagi mengenal pasti punca yang mempengaruhi tahap penggunaan strategi yang rendah. Data deskriptif maklumat latar belakang responden menunjukkan seramai 83.3% pelajar (25 daripada 30) mempelajari bahasa Arab di luar kelas antara 0 sehingga 1 jam dalam seminggu. Tempoh masa yang sangat singkat ini mengehadkan penggunaan pelbagai strategi pembelajaran bahasa yang lebih efektif. Dengan itu dapat disimpulkan bahawa tahap penggunaan keseluruhan strategi yang rendah ini turut dipengaruhi oleh tempoh masa pelajar mempelajari bahasa Arab di luar kelas.

Selain itu, perbincangan kajian rintis ini juga mendapati bahawa penggunaan kategori strategi yang paling tinggi dalam kajian ini diwakili oleh strategi membaca dengan nilai min 1.67 ($SP= 0.61$). Dapatkan ini menunjukkan bahawa pelajar cenderung untuk mempelbagaikan strategi membaca berbanding strategi dalam kumpulan yang lain semasa mempelajari bahasa Arab. Walau bagaimanapun, nilai min yang rendah pada penggunaan strategi membaca menunjukkan bahawa pelajar masih kurang memperbaikkan bahan bacaan dalam bahasa Arab meskipun pendekatan guru yang mengajar bahasa Arab lebih banyak menggunakan bahan bertulis sebagai bacaan mahupun latihan penulisan di peringkat sekolah menengah (Hassan Basri & Mohd Azhar, 2005). Strategi kosa kata pula berada pada

tangga kedua tertinggi penggunaannya. Namun demikian, tahap penggunaannya yang rendah mungkin turut dipengaruhi oleh amalan membaca dan mendengar bahan pembelajaran bahasa Arab yang terhad di luar waktu persekolahan. Tambahan pula, bahan bacaan santai dan audio yang pelbagai dalam bahasa Arab tidak mudah diperoleh di pasaran Malaysia. Rentetan itu, pelajar tidak dapat meluaskan penguasaan kosa kata pada kadar yang lebih baik kerana kurang terdedah dan tidak dibiasakan dengan bahan bacaan dan mendengar bahasa Arab yang berbeza.

Dalam situasi pembelajaran di Malaysia yang tidak menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa perantaraan dalam komunikasi sehari-hari atau dalam urusan rasmi yang lain, maka penggunaan strategi mendengar, strategi bertutur, strategi terjemahan dan strategi menulis tidak dapat dipelbagaikan dengan jayanya mengikut tuntutan semasa. Lantaran itu, penggunaan keempat-empat strategi ini menduduki tangga ketiga hingga keenam (terakhir) mengikut susunan kategori nilai min paling kurang digunakan. Penggunaan strategi membaca yang berada pada tangga teratas serta penggunaan strategi menulis yang berada pada tangga terbawah ini adalah selari dengan kajian Manprit dan Mohamed Amin (2011) yang mengkaji penggunaan SPKB pelajar sekolah rendah dalam pembelajaran bahasa Inggeris. Persamaan ini mungkin disebabkan oleh pendedahan pelajar terhadap pembelajaran bahasa Arab masih di tahap penerimaan maklumat berbanding menggeneralisasikan maklumat untuk diaplikasikan dalam bentuk pertuturan atau penulisan. Lantaran itu, pelajar yang mempelajari bahasa Arab di sekolah menengah lebih banyak membaca bahan bahasa Arab untuk mendapatkan maklumat berbanding menggunakan strategi pembelajaran lain dalam kemahiran berbahasa yang pelbagai. Situasi ini secara tidak langsung boleh mengakibatkan objektif pembelajaran bahasa Arab di peringkat sekolah menengah tidak dapat dicapai sepenuhnya untuk melahirkan pelajar yang menguasai kemahiran berbahasa Arab yang berbeza.

Seterusnya, perbincangan kajian beralih kepada analisis penggunaan sepuluh strategi pada kadar kekerapan yang tinggi. Penggunaan strategi tertinggi ini boleh disebabkan oleh dua faktor seperti kebiasaan dalam pembelajaran dan kesukaran dalam pembelajaran. Kebiasaan pelajar akan menggunakan SPKBA yang biasa mereka gunakan dalam pembelajaran bahasa seperti “mengagak atau meneka makna (SD16, SD18, dan SB57), bertanya orang lain (SB59 dan STul73), mendapatkan bantuan (STut37) dan melihat gambar (SB50)”. Dalam pembelajaran bahasa juga, pelajar sering berhadapan dengan pelbagai kesukaran dalam pembelajaran bahasa sehingga mereka terpaksa memanfaatkan strategi pembelajaran tertentu bagi meningkatkan kefahaman bahasa dengan mudah dan cepat. Oleh itu, beberapa strategi turut menjadi kecenderungan pelajar bagi mengatasi kesukaran dalam pembelajaran bahasa ini iaitu dengan penggunaan strategi “mengulang bacaan (SB49), mencari bahan bacaan yang mudah (SB46), meminta penutur mengulangi kata-katanya (SD13)”. Pada keseluruhan, kesemua strategi pada tahap kekerapan yang paling tinggi ini merupakan strategi yang mudah digunakan dan tidak memerlukan usaha yang banyak untuk mendapatkan maklumat atau bahan pembelajaran. Oleh sebab itu, sepuluh strategi yang dibincangkan ini mendapat tempat di hati responden kajian ini.

Maklumat sepuluh strategi yang paling kurang digunakan oleh pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab ini pula lebih tertumpu kepada aspek aplikasi pembelajaran bahasa dan penggunaan bahan bantu belajar untuk membantu pembelajaran bahasa pelajar. Bagi aspek aplikasi pembelajaran bahasa, responden kajian ini didapati kurang berlatih menggunakan bahasa dalam kemahiran menulis (STul63 dan STul62), mendengar (SD3), bertutur (STut40) dan terjemahan (STer86). Pelbagai strategi dapat digunakan untuk melatih penggunaan bahasa dalam kehidupan seharian pelajar. Sekiranya pelajar meluangkan lebih

banyak masa untuk belajar bahasa Arab di luar kelas, pelajar dapat mempelbagaikan aktiviti pembelajaran dan menggunakan bahan bantu belajar dengan lebih baik serta menarik. Pelbagai kemudahan pembelajaran masa kini harus dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya untuk pembelajaran bahasa Arab seperti penggunaan Internet, siaran televisyen, program di radio, video dan audio (seperti penggunaan strategi SD1, SD2, SB44, STul71 dan STer83). Pelajar perlu kreatif dalam proses mencari bahan pembelajaran yang bersesuaian dengan tahap pembelajaran mereka. Dengan adanya Internet, pelbagai maklumat bercetak, audio atau visual dapat diperoleh dengan mudah.

KESIMPULAN

Hasil kajian rintis ini menunjukkan bahawa instrumen soal selidik SPKBA hasil adaptasi dan ubahsuai daripada sarjana asal sesuai digunakan untuk sampel kajian sebenar. Nilai pekali Alfa yang tinggi secara keseluruhannya menunjukkan bahawa kebolehpercayaan instrumen adalah tinggi dan dapat mengukur ketekalan item-item soal selidik meskipun diberikan kepada kelompok pelajar lain yang telah dikenal pasti mewakili ciri-ciri yang sama. Dari segi tahap penggunaan SPKBA dalam kalangan responden kajian rintis ini pula, beberapa andaian dapat dibuat seperti kecenderungan pelajar terhadap kategori strategi utama tertentu atau jenis strategi terpilih. Kesimpulan yang dapat dibuat lagi adalah mengenai tahap penggunaan strategi yang rendah dalam kalangan pelajar dengan skor min yang diperoleh adalah sekitar skala satu. Secara tidak langsung, skala ini menunjukkan bahawa pelajar kurang atau tidak pernah menggunakan beberapa strategi yang terkandung dalam SPKBA sepanjang proses pembelajaran bahasa Arab. Oleh itu, bagi meningkatkan penggunaan SPKBA dalam kalangan pelajar, pelbagai usaha perlu dijalankan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Guru boleh mendedahkan maklumat penggunaan SPKBA yang efektif kepada pelajar secara langsung mahupun tidak langsung melalui pelbagai aktiviti pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di dalam atau di luar kelas. Pelajar pula perlu kreatif untuk menggunakan bahan bantu belajar yang berbeza di luar kelas melalui video atau audio bagi mempelbagaikan sumber maklumat bahasa yang diterima selain dapat memantapkan kemahiran berbahasa Arab sedia ada. Melalui pelbagai aktiviti yang disediakan oleh guru serta penggunaan bahan bantu belajar yang berbeza di luar kelas, pelajar akan terdedah kepada penggunaan SPKBA yang pelbagai untuk mempelajari bahasa Arab.

RUJUKAN

- Chamot, A. U., & O'Malley, J. M. (1994). *The CALLA handbook implementing the Cognitive Academic Language Learning Approach*. Mass: Addison - Wesley Publishing Company.
- Cohen, A. D., & Oxford, R. L. (2002). Young learners' language strategy use survey. Diperoleh daripada http://www.carla.umn.edu/about/profiles/CohenPapers/Young_Lg_Strat_Srvy.html.
- Cohen, A. D., Oxford, R. L., & Chi, J. C. (2005). Language strategy use inventory. Center for Advanced Research on Language Acquisition, University of Minnesota. Diperoleh daripada http://www.carla.umn.edu/about/profiles/cohenpapers/lg_strat_srvy.html.
- Faizahani Ab. Rahman. (2002). *Strategies employed by good and weak English learners and factors affecting the choice of strategies*. (Tesis sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hassan Basri Awang Mat Dahan & Mohd Azhar Zailaini. (2005). Pengajaran bahasa Arab untuk tujuan-khusus: Satu pandangan awal. *Masalah Pendidikan*, 233-244.

- Johanson, G. A., & Brooks, G. P. (2010). Initial scale development: Sample size for pilot studies. *Educational and Psychological Measurement*, 70(3), 394-400.
- Johari Afrizal. (2005). *Language learning strategies of EFL university students at an Indonesian private university*. (Tesis sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kamarul Shukri Mat Teh. (2009). *Penggunaan strategi pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Agama*. (Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Linamalini Mat Nafi. (2014). *Hubungan strategi pembelajaran bahasa dengan pencapaian bahasa Arab dalam kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi Kelantan*. (Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan). Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Manprit Kaur & Mohamed Amin Embi. (2011). Language learning strategies employed by primary school students. *European Journal of Educational Studies*, 3(3), 473-479.
- Mohd. Majid Konting. (1998). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. (Ed. ke-4). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Oxford, R. L. (1990). *Language learning strategies: What every teacher should know*. Boston: Heinle & Heinle.
- Park, G. (2010). Investigation into learning strategies used by effective and less effective EFL learners in Korea. *Asian Social Science*, 6(8), 3-13.
- Sekaran, U. (2003). *Research methods for business: A skill-building approach*. (Ed. ke-4). United States: John Wiley & Sons, Inc.
- Yoong Li Kuen. (2010). *English learning strategies used by form six students in secondary schools*. (Tesis sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamri Mahamod. (2004). *Strategi pembelajaran bahasa Melayu di kalangan pelajar Melayu sekolah menengah*. (Tesis doktor falsafah yang tidak diterbitkan). Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Zamri Mahamod & Mohamed Amin Embi. (2005). Strategi pembelajaran bahasa Melayu mengikut jantina di luar kelas. *Jurnal Pendidikan*, 30, 51-73.

MAKLUMAT PENULIS

NADHILAH ABDUL PISAL

Fakulti Bahasa dan Komunikasi,
Universiti Sultan Zainal Abidin.
ananadhilah@yahoo.com

KAMARUL SHUKRI MAT TEH

Fakulti Pengajian Kontemporari Islam,
Universiti Sultan Zainal Abidin.
kamarul@unisza.edu.my